

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 February 2016

## Buku Najib kembara politik 40 tahun dilancarkan

Um - 27/2/2016

**KUALA LUMPUR 26 Feb.** - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi melancarkan buku Najib Razak Kembara Politik - 40 Tahun yang diterbitkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Buku tersebut memaparkan kisah suka-duka Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai ahli politik selama 40 tahun yang bermula sebagai Ahli Parlimen Pekan pada 21 Februari 1976.

Pengarangnya, Datuk Md. Afendi Hamdan berkata, buku itu merupakan cetusan idea Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.

"Pada Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ada beritahu bahawa beliau sudah berada dalam bidang politik selama 40 tahun.

"Jadi Kementerian Komuni-

kasi dan Multimedia mengambil satu inisiatif untuk menerbitkan sebuah buku kembara politik Najib dan kita mula berbincang untuk mencari bahan sehingga terhasilnya buku ini," katanya ketika ditemui di Menara Dato' Onn di sini hari ini.

Perdana Menteri yang hadir di majlis pelancaran tersebut turut mengambil peluang membaca buku itu yang banyak memaparkan gambar beliau sejak menjadi ahli politik termasuk memegang jawatan Menteri Besar Pahang ketika berumur 29 tahun.

Yang turut hadir, Salleh dan Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa.

Menurut Md. Afendi, buku yang diterbitkan di dalam bahasa Melayu serta bahasa Inggeris tersebut memaparkan perjalanan karier politik Najib bermula dari 1976 hingga kini.

"Buku ini membuatkan orang ramai lebih mengenali siapa Perdana Menteri dan kita dapat melihat sendiri kembara politik yang dilalui beliau sepanjang 40 tahun ini.

"Pihak kami mendapat kerjasama daripada ahli keluarga Perdana Menteri, Utusan Malaysia, Bernama dan Kumpulan The New Straits Times untuk mencari gambar-gambar lama berkaitan Perdana Menteri.

"Saya sendiri turun ke Pekan, Pahang bagi mencari maklumat serta gambar-gambar Perdana Menteri yang berada dalam simpanan penduduk setempat," jelasnya.

Tambahnya, buku dalam edisi bahasa Inggeris diedarkan secara percuma kepada orang ramai manakala edisi bahasa Melayu boleh dipesan melalui Bernama dengan harga RM80 senaskhah.



**NAJIB TUN RAZAK** bersama Ahmad Zahid Hamidi dan Salleh Said Keruak (kanan) menunjukkan buku Najib Razak Kembara Politik - 40 Tahun pada majlis pelancaran buku tersebut di Menara Dato' Onn, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA